AMAN ULLAH lwn. KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
NOORIN BADARUDDIN H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: BA-44-108-03-2020]
30 JULAI 2020

IMIGRESEN: *Penahanan – Perintah pengusiran dan perintah penahanan – Sama ada penahanan mematuhi prosedur bawah Akta Imigresen 1959 – Penahanan akibat pelanggaran syarat Pas Lawatan Kerja Sementara ('PLKS') – Kesalahan bawah peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 – Sama ada PLKS boleh dibatalkan dengan serta merta – Sama ada siasatan membuktikan pelanggaran syarat PLKS – Sama ada alasan pengeluaran perintah dizahirkan – Sama ada kuasa budi bicara mutlak Ketua Pengarah Imigresen dilaksanakan secara wajar – Sama ada terdapat ketidakpatuhan prosedur – Akta Imigresen 1959, ss. 9(1)(b), 34 & 35*

Pemohon, seorang warganegara asing, ditahan dalam satu serbuan oleh sepasukan pegawai dari Jabatan Imigresen Malaysia yang diketuai oleh Timbalan Penolong Pengarah Imigresen ('TPPI'), kerana disyaki melakukan kesalahan bawah Akta Imigresen 1959 ('Akta Imigresen'). Berlandaskan kuasa menangkap bawah s. 51(3)(a) Akta Imigresen, notis penahanan bawah s. 51(5)(b) Akta Imigresen dikeluarkan terhadap pemohon oleh TPPI selama 14 hari. Hasil siasatan mendapati pemohon telah melanggar syarat Pas Lawatan Kerja Sementara ('PLKS') dengan bekerja di tempat yang berlainan daripada tempat yang tertera dalam PLKS pemohon. Oleh itu, arahan diberikan untuk pemohon dituduh bawah s. 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 ('Peraturan Imigresen'). Pemohon, yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Pendatang Asing Tanpa Izin, mengaku bersalah dan membayar denda. Kemudian, pemohon ditahan semula bawah s. 35 Akta Imigresen untuk tujuan pengusiran. Timbalan Ketua Pengarah Operasi ('TKPO'), setelah berpuas hati dengan hasil siasatan yang menzahirkan pemohon telah melanggar syarat PLKS bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen, meluluskan pembatalan PLKS pemohon untuk tujuan pemindahan pemohon dan mengeluarkan satu Notis Pembatalan Pas bawah peraturan 19(3) Peraturan Imigresen yang telah diterangkan kepada pemohon oleh pegawai imigresen ('PI'). Perintah Pengusiran bawah s. 56(2) dan Perintah Penahanan bawah s. 34(1) Akta Imigresen ('PTU') dikeluarkan atas pemohon oleh TPPI untuk tujuan pemindahan keluar dan menahan pemohon sementara dipindahkan keluar dari Malaysia. PTU telah diterangkan pada pemohon oleh Pegawai Imigresen ('PI'). Sementara menunggu proses pengusiran pemohon balik ke negara asalnya, pemohon ditempatkan di

Depot Tahanan Imigresen Semenyih. Melalui permohonan ini, pemohon memohon: (i) satu deklarasi bahawa PTU yang dikeluarkan terhadapnya oleh responden pertama adalah terbatal, tidak teratur dan tidak sah atas ketidakpatuhan prosedur pengusiran bawah Akta Imigresen; dan (ii) satu perintah writ *habeas corpus* agar pemohon dibebaskan dengan serta merta daripada tahanan bawah kawalan dan jagaan responden keempat.

Diputuskan (menolak permohonan pemohon):

(1) Pemohon telah mengaku bersalah atas kesalahan melanggar syarat dengan bekerja di sektor dan di tempat selain daripada yang tertera dalam PLKS yang dikeluarkan kepadanya, iaitu satu kesalahan bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen. Oleh sebab pemohon melanggar syarat yang diendors dalam PLKSnya, PLKS/pas pemohon boleh dibatalkan dengan serta merta. Responden pertama, dalam kapasitinya sebagai Ketua Pengarah Imigresen, mempunyai budi bicara mutlak untuk membatalkan PLKS pemohon bawah s. 9(1)(b) Akta Imigresen, dan peraturan 19 Peraturan Imigresen. Bukan tugas mahkamah untuk mempersoalkan tindakan pihak berkuasa yang dibuat berlandaskan budi bicara mutlak. (perenggan 24, 25, 29 & 43)

(2) Perintah Pengusiran bawah s. 56(2) dan Perintah Penahanan bawah s. 34(1) Akta Imigresen dikeluarkan atas pemohon untuk tujuan pemindahan keluar dan menahan pemohon sementara dipindahkan keluar dari Malaysia. Setelah PLKS pemohon dibatalkan, pemohon bukan lagi seorang warganegara asing yang berada di Malaysia secara sah dan mesti diusir dari Malaysia menurut peruntukan Akta Imigresen. Responden pertama diberi kuasa menahan warganegara asing seperti pemohon di depot tahanan atau di tempat lain yang ditetapkan untuk tujuan pemindahan keluar dari Malaysia, menurut s. 34 Akta Imigresen, selama tempoh tidak melebihi 30 hari sebelum keputusan sama ada satu perintah pemindahannya patut dibuat seperti yang diperuntukkan bawah s. 35. Dalam tempoh penahanan itu, TKPO berpuas hati dengan hasil siasatan bahawa pemohon telah melanggar syarat PLKS. (perenggan 30 & 37-39)

(3) Walaupun tiada keperluan untuk pihak berkuasa seperti responden pertama untuk menyatakan alasan kepada keputusan yang dibuat, namun alasan PLKS pemohon dibatalkan telah pun dizahirkan di mana adalah jelas keputusan dibuat kerana pemohon telah melanggar syarat PLKSnya. Tiada *mala fide* oleh pihak responden pertama dalam melaksanakan budi bicara mutlak yang diperuntukkan dan semua prosedur penahanan pemohon telah dipatuhi. Oleh itu, tiada ketidakpatuhan prosedur dalam penahanan pemohon di depot tahanan sementara menanti pengusirannya ke negara asal. (perenggan 44 & 48)

(4) Tiada keperluan prosedur bawah Akta Imigresen untuk majikan pemohon dimaklumkan berkenaan dengan notis penahanan pemohon dan untuk perkhidmatan jurubahasa disediakan buat pemohon semasa notis penahanan diberikan kepadanya. Seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah, yang memperuntukkan hak-hak seseorang yang ditangkap, tidak terpakai kerana pemohon bukan ditangkap untuk satu kesalahan tetapi ditahan sementara menanti pengusiran pulang ke negara asalnya. Rayuan hanya boleh dibuat dan diberikan pertimbangan untuk kategori yang termaktub dalam sub-peraturan (1) peraturan 26 Peraturan Imigresen. Memandangkan pembatalan PLKS pemohon dibuat bawah peraturan 19 Peraturan Imigresen 1963, itu tidak tergolong dalam kategori di mana rayuan boleh dibuat. (perenggan 49 & 51)

Kes-kes yang dirujuk:

Andrew Thamboosamy v. Superintendent of Pudu Prisons, Kuala Lumpur [1976] 1 LNS 5 FC ***(dirujuk)***

Pua Kiam Wee v. Ketua Pengarah Imigresen Malaysia & Anor [2018] 4 CLJ 54 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 28A

Federal Constitution, art. 5(4)

Immigration Act 1959/63, ss. 3(2), (3)(a), (b), 5, 6, 8, 9(1)(b), (4), (7), 15, 32(1), 33(1), 34(1), 35, 51(3)(a), (5)(b), 51B, 56(2), 60

Immigration Regulations 1963, regs. 1, 19(1)(a), (1A), (3), 26(1), 39(b)

Bagi pihak pemohon - T Harpal Singh; T/n T Harpal & Assocs
Bagi pihak responden-responden - Ainaa Lutfiah Mohamed Zulkali; TPR

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Noorin Badaruddin H:

[1] Ini adalah permohonan pemohon bertarikh 3 Mac 2020 untuk perintah-perintah seperti berikut:

(i) Suatu deklarasi bahawa Perintah Tahan Usir ("PTU") yang diisukan terhadapnya oleh responden pertama adalah terbatal, tidak teratur dan tidak sah atas ketidakpatuhan prosedur pengusiran di bawah Akta Imigresen 1959/63 ("Akta 155");

(ii) Suatu perintah writ *habeas corpus* diberikan supaya pemohon dibebaskan dengan serta merta dari tahanan di bawah kawalan dan jagaan responden keempat;

(iii) Perintah dan/atau arahan lain yang difikirkan suai manfaat oleh mahkamah.

[2] Alasan-alasan ringkas yang diberikan oleh pemohon untuk menyokong permohonan ini adalah:

(i) Pemohon amat terkilan dan terkejut apabila responden pertama tanpa apa-apa alasan yang munasabah telah mengeluarkan PTU terhadap pemohon untuk tujuan pengusiran kembali ke Bangladesh, negara asal pemohon.

(ii) PTU sebenarnya telah diisukan kepada pemohon secara sewenang-wenangnya sebelum pemohon diberikan peluang untuk membuat rayuan kepada responden ketiga yang mana kapasiti pertimbangan dan peranannya dilaksanakan oleh responden pertama bagi pihaknya.

(iii) Responden-responden langsung tidak mematuhi, menuruti dan mengamalkan prosedur pembatalan Pas Lawatan Kerja Sementara ("PLKS/pas") mahupun prosedur pengusiran imigresen. Tindakan dan perbuatan responden-responden mengeluarkan PTU terhadap pemohon adalah satu penyalahgunaan kuasa dan budi bicara responden pertama.

Latar Belakang/Fakta

[3] Fakta dan kronologi kes ini dizahirkan oleh pihak responden seperti berikut.

[4] Pada 13 Februari 2020 jam lebih kurang 3.35 petang di sebuah premis iaitu sebuah kiosk telefon bimbit dan aksesori yang dinamakan Telekomunikasi (dimiliki oleh MKNF) Enterprise, Lot 8 & 9, Bangunan Mydin Sinar Kota, Jalan Tun Perak, 50050 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sepasukan pegawai dari Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya ("JIM") yang diketuai oleh Timbalan Penolong Pengarah Imigresen ("TPPI") Ahmad Safian bin Kamal telah membuat serbuan di premis tersebut. Hasil dari serbuan itu, pemohon telah ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta 155.

[5] Berlandaskan kuasa menangkap di bawah s. 51(3)(a) Akta 155, satu notis penahanan di bawah s. 51(5)(b) Akta 155 telah dikeluarkan ke atas pemohon oleh TPPI Ahmad Safian bin Kamal selama 14 hari mulai 13 Februari 2020 hingga 26 Februari 2020.

[6] Hasil siasatan mendapati pemohon telah melanggar syarat PLKS dengan bekerja di tempat yang berlainan iaitu di kedai Telekomunikasi (dimiliki oleh MKNF) Enterprise, Lot 8 & 9, Bangunan Mydin Sinar Kota, Jalan Tun Perak, 50050 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bukan di Syarikat Shima Global Management Sdn Bhd sebuah syarikat yang terlibat dalam sektor pembinaan sepertimana yang tertera dalam PLKS pemohon.

[7] Setelah merujuk kertas siasatan melibatkan pemohon kepada pihak Pendakwa Raya, arahan telah diberikan untuk pemohon dituduh di bawah peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 ("Peraturan Imigresen

1963"). Pada 26 Februari 2020, pemohon telah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Pendatang Asing Tanpa Izin ("PATI") Semenyih atas kesalahan melanggar syarat PLKS di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 dan telah mengaku salah. Pemohon telah membayar denda dan telah ditahan semula di bawah s. 35 Akta 155 bagi tujuan pengusiran.

[8] Satu Minit bebas bertarikh 27 Februari 2020 telah diangkat untuk pertimbangan Timbalan Ketua Pengarah Operasi ("TKPO") bagi mempertimbangkan pembatalan pas pemohon di bawah peraturan 19(1) Peraturan Imigresen 1963. Mohd Fauzi bin Md Isa, TKPO pada masa yang material setelah berpuas hati dengan hasil siasatan yang menzahirkan pemohon telah melanggar syarat PLKS di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963, telah meluluskan pembatalan PLKS pemohon bagi tujuan pemindahan pemohon. Pada hari yang sama, TKPO telah mengeluarkan satu Notis Pembatalan Pas di bawah peraturan 19(3) Peraturan Imigresen 1963 yang telah diterangkan kepada pemohon oleh pegawai imigresen ("PI"), Abdul Malek bin Che Nyat.

[9] Pada 27 Februari 2020, perintah pengusiran (order of removal) di bawah s. 56(2) dan perintah penahanan (order of detention) di bawah s. 34(1) Akta 155 (kedua-dua perintah dirujuk sebagai "PTU" seperti yang dinyatakan terlebih dahulu di atas) telah dikeluarkan ke atas pemohon oleh TPPI, Arif Azanor bin Tompang @ Abd Razak bagi tujuan pemindahan keluar dan menahan pemohon sementara dipindahkan keluar dari Malaysia. PTU telah diterangkan kepada pemohon oleh pegawai imigresen ("PI"), Abdul Malek bin Che Nyat.

[10] Pemohon ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen Semenyih sementara menunggu proses pengusiran pemohon balik ke negara asalnya.

Hujahan Pemohon

[11] Peguam yang bijaksana bagi pihak pemohon Encik Harpal Singh, telah menghujahkan bahawa PTU bertarikh 27 Februari 2020 ke atas pemohon adalah bersifat *mala fide*, tidak sah dan tidak berasas di sisi undang-undang kerana telah melanggari prosedur di bawah s. 32(1) dan atau s. 33(1) Akta 155. Adalah menjadi hujahan peguam yang bijaksana bahawa hanya warganegara asing yang telah didapati bersalah atau terdapatnya alasan-alasan munasabah warganegara asing itu telah melakukan kesalahan di bawah s. 5, s. 6, s. 8, s. 9, s. 15 atau s. 60 Akta 155 sahaja yang boleh dikenakan tindakan pengusiran. Menurut Encik Harpal Singh, tidak terdapat peruntukan di bawah Akta 155 mahupun di bawah Peraturan Imigresen 1963 yang membolehkan seorang yang telah dijatuhkan hukuman denda di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 dikenakan tindakan pengusiran kembali ke negara asal.

[12] Menurut Encik Harpal Singh lagi, penahanan semula pemohan selepas mengaku salah dan didenda oleh mahkamah khas PATI Semenyih, adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang kerana pemohon mempunyai pas yang masih sah laku sehingga 6 Julai 2020 untuk berada di Malaysia. Pemohon dihujahkan telah tidak dikemukakan di hadapan Majistret setelah dia ditahan semula pada 26 Februari 2020 dan tiada notis penahanan dikeluarkan oleh pihak responden terhadap pemohon di bawah s. 51 Akta 155 serta tiada permohonan reman dipohon bagi menjustifikasikan penahanan pemohon.

[13] Encik Harpal Singh selanjutnya menyatakan bahawa minit bebas pembatalan PLKS yang diisukan ke atas pemohon telah disiapkan terlebih awal dengan cadangan pembatalan dan kemudiannya dirujuk ke Pejabat Pengarah Imigresen untuk ditandatangani oleh Pengarah Negeri Selangor. Menurut Encik Harpal Singh, setiap pembatalan pas atau visa harus diputuskan oleh Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah Imigresen di bawah s. 9 Akta 155 dan oleh kerana pembatalan pas pemohon diluluskan oleh TKPO Mohamad Fauzi bin Md Isa yang bukan merupakan Ketua Pengarah Imigresen atau Timbalannya, maka ini merupakan satu ketidakpatuhan prosedur.

[14] Adalah dihujahkan lagi, bahawa pengeluaran notis pembatalan pas bertarikh 27 Februari 2020 di bawah peraturan 19(3) Peraturan Imigresen 1963 adalah tidak teratur dan bersifat *mala fide* kerana pemohon tidak seharusnya ditahan dan notis pembatalan pas tersebut seharusnya diserahkan kepada pemohon atau melalui pos di alamat terakhir pemohon dan diwartakan selama tujuh hari. Menurut Encik Harpal lagi, majikan pemohon iaitu syarikat Shima Global Management Sdn Bhd seharusnya dimaklumkan berkenaan notis pembatalan pas tersebut kerana levi dibayar oleh syarikat tersebut. Notis pembatalan pas tersebut juga dikatakan diserahkan tanpa seorang jurubahasa Bangladesh dan pemohon juga telah tidak diberikan hak untuk diwakili oleh seorang peguam di bawah s. 28A Kanun Tatacara Jenayah.

[15] Seterusnya, Encik Harpal Singh berhujah bahawa pemohon tidak tergolong dalam kategori imigran larangan/haram di bawah s. 8 Akta 155 kerana pemohon hanya dikenakan dengan hukuman denda. Menurut Encik Harpal Singh, hanya seorang yang telah disabitkan dengan satu kesalahan yang membawa hukuman pemenjaraan dan dikategorikan sebagai imigran larangan/haram sahaja yang boleh dikenakan dengan tindakan pembatalan pas menurut peraturan 19(1A) Peraturan Imigresen 1963.

[16] Satu lagi isu yang ditimbulkan bagi pihak pemohon ialah berkaitan PTU terhadap pemohon yang dikeluarkan di bawah s. 56(2) Akta tersebut. Encik Harpal Singh berhujah bahawa berdasarkan peruntukan s. 56(2) Akta tersebut, pengusiran hanya boleh dibuat ke atas warganegara asing yang

berada di Malaysia atau cuba memasuki Malaysia secara haram sahaja. Oleh yang demikian, terdapat ketidakpatuhan prosedur dalam pengusiran melibatkan pemohon kerana pemohon telah masuk ke Malaysia dengan dokumen perjalanan yang sah untuk tinggal dan bekerja di sini.

[17] Ketidakpatuhan prosedur juga dihujahkan berlaku bilamana pemohon dikatakan tidak diberikan hak untuk membuat rayuan terhadap pembatalan notis pembatalan pas bertarikh 27 Februari 2020 kepada Menteri dalam masa tujuh hari dari tarikh penerimaan notis pembatalan pas tersebut sepertimana yang diperuntukkan oleh peraturan 26(1) Peraturan Imigresen 1963. Menurut notis pembatalan pas tersebut, pemohon telah mengakui menerima notis pembatalan pas tersebut pada 27 Februari 2020 dan oleh itu pemohon mempunyai masa sehingga 5 Mac 2020 untuk membuat rayuan kepada Menteri. Namun demikian, responden pertama dikatakan telah tidak memberi peluang dan masa kepada pemohon untuk merayu dan telah secara salah mengeluarkan PTU tersebut pada hari yang sama iaitu 27 Februari 2020. Responden pertama dihujahkan mempunyai masa selama 30 hari untuk menahan pemohon di depot imigresen sementara membuat keputusan sama ada pemohon wajar dikenakan PTU tersebut dan perbuatan responden pertama dikatakan sebagai *mala fide* dan dilihat sebagai sengaja untuk mengelakkan hak perayu untuk merayu.

Ringkasan Hujahan Responden

[18] Secara ringkasnya, adalah menjadi hujahan pihak responden bahawa pengeluaran PTU bagi tujuan pemindahan keluar dan menahan pemohon sementara dipindahkan keluar dari Malaysia adalah terletak di bawah kuasa dan budi bicara responden pertama selaras dengan undang-undang imigresen. Pembatalan PLKS dan PTU pemohon juga dihujahkan mengikut undang-undang dan prosedur imigresen.

Dapatan Mahkamah

[19] Akta 155 memperuntukkan bahawa responden pertama diberi kuasa am dalam mengawasi dan memberikan arahan berkenaan semua perkara berkaitan dengan imigresen di seluruh Malaysia. Kuasa tersebut hendaklah dilaksanakan oleh responden pertama dan mana-mana pegawai kanan imigresen yang dibenarkan secara bertulis oleh dan bagi pihak responden pertama. Seksyen 3(2) dan s. 3(3) Akta 155 memperuntukkan seperti berikut:

> Appointment and powers of Director General and others
>
> 3(2) The Director General shall have the general supervision and direction of all matters relating to immigration throughout Malaysia.
>
> (3) The powers and discretions vested in the Director General by this Act, and the duties required to be discharged by him may, subject to section 4 and to such limitations as may be prescribed, be exercised and discharged by:

A (a) a Deputy Director General of Immigration or Director of Immigration; and

(b) any senior immigration officer authoris ed in writing in that behalf by the Director General.

B **[20]** Sebelum mahkamah ini mengulas lanjut mengenai isu-isu yang diutarakan, peruntukan s. 3(3)(a) dan (b) yang dinyatakan di atas dengan jelas telah mematahkan hujahan peguam yang bijaksana atas isu pembatalan PLKS pemohon yang dikatakan tidak sah kerana diluluskan oleh TKPO yang bukan merupakan Ketua Pengarah Imigresen atau Timbalannya. Tidak ada ketidakpatuhan prosedur yang berlaku atas isu ini kerana adalah jelas kuasa C dan budi bicara berkaitan dengan perihal imigresen yang terletak hak kepada Ketua Pengarah Imigresen boleh dilaksanakan oleh mana-mana pegawai kanan imigresen yang diberi kuasa secara bertulis dan bagi pihak Ketua Pengarah Imigresen. Selanjutnya, di bawah s. 9(7) Akta 155, kuasa untuk membatalkan pas di bawah sub-s. 9(1)(b) boleh dilaksanakan oleh Timbalan D Ketua Pengarah Imigresen. Tidak dapat dipertikaikan Mohamad Fauzi bin Md Isa adalah seorang Timbalan Ketua Pengarah Imigresen.

[21] Peguam yang bijaksana telah berhujah bahawa PTU yang dikeluarkan ke atas pemohon adalah tidak sah, tidak berasas di sisi undang-undang serta bersifat *mala fide* kerana telah melanggari prosedur di bawah s. 32(1) dan atau E s. 33(1) Akta 155. Menurut peguam yang bijaksana, hanya warganegara asing yang telah didapati bersalah atau terdapatnya alasan-alasan munasabah suatu kesalahan telah dilakukan oleh warganegara asing tersebut di bawah s. 5, s. 6, s. 8, s. 9, s. 15 atau s. 60 Akta 155 sahaja yang boleh dikenakan tindakan pengusiran.

F **[22]** Seksyen 32(1) dan s. 33(1) Akta 155 menyatakan:

Removal of illegal immigrants

32(1) Any person who is convicted of an offence under section 5, 6, 8 or 9 shall be liable to be removed from Malaysia by order of the Director G General:

Provided that no citizen convicted of an offence under section 5 shall be ordered to be removed from Malaysia under this subsection.

Removal of persons unlawfully remaining in Malaysia

H 33(1) Where the presence of any person in Malaysia is unlawful by reason of section 9, 15 or 60 the person shall, whether or not any proceedings are taken against him in respect of any offence against this Act, be removed from Malaysia by order of the Director General.

(2) Any person in respect of whom an order of removal has been under subsection (1) may appeal to the Minister* in such manner and within I such time as may be prescribed:

Provided that there shall be no appeal under this subsection against an order of removal under subsection (1) made in respect of any person whose presence in Malaysia is unlawful under section 9 by reason of any order made under paragraph 9(1)(a) or by reason of the cancellation of a Pass or Permit under paragraph 9(1)(b) or 9(1)(c) respectively, or is unlawful under paragraph 15(1)(c) or section 60 by reason of the expiry of any Pass relating to or issued to him..

[23] Menurut peguam yang bijaksana lagi, tidak terdapat peruntukan di bawah Akta 155 mahupun di bawah Peraturan Imigresen 1963 yang membolehkan seorang yang telah dijatuhkan hukuman denda di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 dikenakan tindakan pengusiran.

[24] Adalah tidak dipertikaikan bahawa pemohon telah mengaku salah atas kesalahan melanggar syarat dengan bekerja di sektor dan di tempat selain dari yang tertera dalam PLKS yang dikeluarkan kepadanya, iaitu satu kesalahan di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963. Akibat dari itu, TKPO telah berpuas hati dan bersetuju untuk membatalkan PLKS pemohon di bawah peraturan 19, Peraturan Imigresen 1963.

[25] Kuasa responden pertama dalam kapasitinya sebagai Ketua Pengarah Imigresen untuk membatalkan PLKS seseorang adalah termaktub di bawah s. 9(1)(b) Akta 155, dan peraturan 19 Peraturan Imigresen 1963, yang memperuntukkan seperti berikut:

Director General's power to prohibit entry, or cancel any Pass or Permit

9(1) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act, the Director General may.

(a) where he deems it expedient to do so in the interests of public security or by reason of any economic, industrial, social, educational or other conditions in Malaysia, by order, prohibit, either for a stated period or permanently, the entry or re-entry into Malaysia of any person or class of persons:

Provided that the order made under this paragraph shall not apply to any citizen or to the holder of any valid Pass or Permit;

(b) in his absolute discretion cancel any Pass at any time by writing under his hand; or

(c) cancel any Permit at any time by writing under his hand, if he is satisfied that the presence in, or entry into, Malaysia of the holder of any Permit is, or would be, prejudicial to public order, public security, public health or morality in Malaysia or any part thereof.

(2) Every order made under paragraph (1)(a) shall come into force on the date of the making of such order, and shall subsequently be published in the *Gazette*.

(3) Every cancellation of a Pass under paragraph (1)(b) or a Permit under paragraph (1)(c) shall come into force on the date of the cancellation, and the Director General shall, as soon as may be thereafter, cause a notice of the cancellation to be sent to the holder of the Pass or Permit, as the case may be, if his address is known, and if it is not known, shall cause the notice to be published in such manner as he deems fit.

(4) Where a Pass is cancelled under paragraph (1)(b) or a Permit is cancelled under paragraph (1)(c).

(a) if its holder is present in Malaysia, he shall not remain in Malaysia after such cancellation and shall be removed from Malaysia in accordance with the provisions of this Act, and he shall, thereafter, be prohibited from entering Malaysia; and

(b) if its holder is outside Malaysia, he shall be prohibited from or re-entering Malaysia.

(5) Any person who enters or re-enters or remains in Malaysia in contravention of any order made under paragraph (1)(a), or in contravention of subsection (4), shall be guilty of an offence against this Act and shall be removed or again removed, as the case may be, from Malaysia.

(6) Where a Pass is cancelled under paragraph (1)(b) or a Permit is cancelled under paragraph (1)(c), subsections (4) and (5) shall apply to.

(a) a person whose name is endorsed on the Pass or the Permit;

(b) any wife of the holder of the Pass or the Permit where the wife is a holder of a Pass or Permit issued to her in consequence of the issue of the Pass or the Permit to her husband; and

(c) any dependant child of the holder of the Pass or the Permit where such child is not a citizen,

in the same manner that they apply to the holder of the Pass or the Permit and the notification to such holder under subsection (3) shall also constitute notification to the persons mentioned in paragraphs (a), (b) and (c).

(7) Notwithstanding subsection 3(3), the powers of the Director General under this section shall be exercised only by the Director General personally or, during his absence or inability to act from any cause, only by the Deputy Director General personally.

(8) Any person who is dissatisfied with any order made against him under paragraph (1)(a), or the holder of any Pass or Permit cancelled under paragraph (1)(b) or (c) respectively, who is dissatisfied with the cancellation, or any person as is referred to under paragraph (6)(a), (b) or (c) who is dissatisfied with the application of subsections (4) and (5) to him under subsection (6), may appeal to the Minister within seven days

of the publication of the order in the *Gazette* under subsection (2), or the notification of the cancellation to the holder of the Pass or Permit under subsection (3), as the case may be, and such appeal shall be by way of a petition in writing setting out clearly and in detail the grounds of the appeal:

Provided that notwithstanding any appeal under this subsection, pending the determination of such appeal, the order of the Director General under paragraph (1)(a), or the cancellation of the Pass or Permit under paragraph (1)(b) or (c) respectively, or the application of subsections (4) and (5) to any person under subsection (6), shall have full force and effect as provided under subsection (2) or (3), as the case may be, and, where accordingly the person appealing is outside Malaysia, or has left Malaysia or been removed from Malaysia before its determination, he may be permitted to enter or re-enter Malaysia if his appeal is allowed and the order under paragraph (1)(a) is revoked, or the Pass or Permit is restored to him, as the case may be. (penekanan ditambah)

[26] Seterusnya, akibat dari pelanggaran syarat PLKS oleh pemohon, "Pengawal" boleh membatalkan PLKS pemohon dan kuasa tersebut termaktub di bawah peraturan 19(1) Peraturan Imigresen 1963 yang menyatakan:

19. Pembatalan Pas dan pelucuthakan jaminan

(1) Tanpa memudaratkan mana-mana kuasa khas untuk membatalkan sesuatu Pas yang diberikan oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini, jika Pegawal berpuas hati bahawa pemegang mana-mana Pas yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Ordinan atau mana-mana Peraturan ini, atau apa-apa syarat yang dikenakan berkaitan dengan, atau arahan yang diendorskan atas Pas itu ia boleh –

(a) dengan serta merta membatalkan Pas itu, dan

(b) dalam mana-mana hal sekiranya jaminan telah didepositkan di bawah peraturan 18 Peraturan-Peraturan ini, dan sama ada atau tidak Pas itu dibatalkan, mengarahkan pelucuthakan jaminan itu atau mana-mana bahagian daripadanya

(2) Pembatalan sesuatu Pas atau pelucuthakan mana-mana jaminan di bawah peraturan ini hendaklah tanpa prejudis kepada pengambilan prosiding terhadap mana-mana orang bagi apa-apa kesalahan terhadap Ordinan atau terhadap Peraturan-Peraturan ini.

(3) Notis pembatalan mana-mana Pas atau pelucuthakan mana-mana jaminan atau mana-mana bahagiannya hendaklah diberikan kepada pemegang tersebut:

Dengan syarat bahawa adalah mencukupi jika notis tersebut dihantar secara pos bedaftar ke alamat pemegang itu yagn terakhir sekali diketahui.

[27] 'Pengawal' ditakrifkan di bawah peraturan 1, Peraturan Imigresen 1963 seperti berikut:

> "Pengawal" termasuklah seseorang pegawai imigresen atau lain-lain orang yang diberi kuasa oleh Pengawal untuk bertindak secara am bagi pihaknya di bawah peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini; dan sekiranya Pengawal memberi kuasa kepada seorang Pegawai Imigresen atau lain-lain orang untuk bertindak bagi pihaknya bagi maksud satu atau lebih tetapi bukan untuk semua Peraturan ini, termasuklah, bagi maksud-maksud peraturan atau peraturan-peraturan, Pegawai Imigresen atau lain-lain orang yang diberi kuasa sedemikian;

[28] Notis pembatalan pas telah pun dikeluarkan kepada pemohon pada 27 Februari 2020. Notis tersebut telah pun diserahkan dan diterangkan oleh PI Abdul Malek bin Che Nyat kepada pemohon.

[29] Oleh kerana pemohon telah melanggar syarat yang diendoskan di atas PLKSnya, berdasarkan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas khususnya peraturan 19 Peraturan Imigresen 1963, maka PKLS/pas pemohon boleh dengan serta merta dibatalkan. Mahkamah ini mendapati tidak ada ketidakpatuhan prosedur berlaku dalam pembatalan PLKS pemohon kerana setelah dia mengaku dan didapati bersalah oleh mahkamah melanggar syarat PLKSnya, yang mana merupakan satu kesalahan di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963, responden pertama mempunyai budi bicara mutlak untuk membatalkan PLKS pemohon di bawah s. 9(1)(b) Akta 155, dan peraturan 19 Peraturan Imigresen 1963.

[30] Setelah PLKS pemohon dibatalkan, adalah jelas pemohon bukan lagi seorang warganegara asing yang berada di Malaysia secara sah. Seterusnya, menurut sub-s. 9(4) Akta 155, apabila PLKS pemohon dibatalkan maka pemohon tidak boleh lagi berada di Malaysia dan mesti diusir dari Malaysia menurut peruntukan Akta 155. Peruntukan-peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa tindakan pengusiran warganegara asing tidak terhad kepada keadaan di bawah s. 5, s. 6, s. 8, s. 9, s. 15 atau s. 60 Akta 155.

[31] Mahkamah ini juga tidak dapat menerima hujahan peguam pemohon yang bijaksana yang mengatakan bahawa hanya imigran larangan/haram dan yang telah disabitkan dengan hukuman penjara sahaja yang boleh dikenakan tindakan pembatalan pas di bawah peraturan 19(1A) Peraturan Imigresen 1963. Menurut peguam pemohon yang bijaksana, memandangkan pemohon tidak tergolong dalam kategori imigran larangan/haram di bawah s. 8 Akta 155 dan hanya dijatuhkan dengan hukuman denda, maka pembatalan PLKS pemohon adalah tidak sah dan merupakan satu ketidakpatuhan prosedur. Mahkamah ini mendapati s. 8 Akta 155 hanya terpakai dalam keadaan bilamana seorang imigran ingin memasuki Malaysia di mana imigran

tersebut perlu membuktikan bahawa mereka bukan imigran larangan. Seksyen 8 Akta 155 adalah tidak relevan kepada kes pemohon di hadapan mahkamah ini kerana pembatalan PLKS pemohon dibuat di bawah peraturan 19(1)(a) dan bukannya di bawah peraturan 19(1A) Peraturan Imigresen 1963. Seksyen 8 Akta 155 diperturunkan di sini:

Prohibited immigrants

8(1) Any person who, in the opinion of the Director General.

(a) is a member of any of the prohibited classes as defined in subsection (3) and is not a citizen is a prohibited immigrant.

(2) Subject to any exemption granted under section 55.

(a) no prohibited immigrant who is a member of prohibited class defined in paragraph (3)(o) shall enter Malaysia or, where he becomes a member of such prohibited class after he has entered Malaysia, remain in Malaysia; and

(b) no other prohibited immigrant shall enter Malaysia, unless he is in possession of a valid Pass in that behalf issuable to a prohibited immigrant under any regulations made under this Act.

(3) The following persons are members of the prohibited classes:

(a) any person who is unable to show that he has the means of supporting himself and his dependants (if any) or that he has definite employment awaiting him, or who is likely to become a pauper or a charge on the public;

(b) any person suffering from mental disorder or being a mental defective, or suffering from a contagious or infectious disease which makes his presence in Malaysia dangerous to the community;

(c) any person who refuses to submit to a medical examination after being required to do so under subsection 39A(1);

(d) any person who.

(i) has been convicted in any country or state of anyoffence and sentenced to imprisonment for any term,and has not received a free pardon; and

(ii) by reason of the circumstances connected with the conviction is deemed by the Director General to bean undesirable immigrant;

(e) any prostitute, or any person, who is living on or receiving, or who, prior to entering Malaysia, lived on or received, the proceeds of prostitution;

(f) any person who procures or attempts to bring into Malaysia prostitutes or women or girls for the purpose of prostitution or other immoral purpose;

(g) vagrants and habitual beggars;

(h) any person whose entry into Malaysia is, or at the time of his entry was, unlawful under this or any other written law for the time being in force;

(i) any person who believes in or advocates the overthrow by force or violence of any Government in Malaysia or of any established government or of constituted law or authority or who disbelieves in or is opposed to established government, or who advocates the assassination of public officials, or who advocates or teaches the unlawful destruction of property;

(j) any person who is a member of or affiliated with any organisation entertaining or teaching disbelief in or opposition to established government or advocating or teaching the duty, necessity or propriety of the unlawful assaulting or killing of any officer, either of specific individuals or officers generally, of any Government in Malaysia or of any established government, because of his or their official character, or advocating or teaching the unlawful destruction of property;

(k) any person who, in consequence of information received from any source deemed by the Minister* to be reliable,or from any government, through official or diplomatic channels, is deemed by the Minister* to be an undesirable immigrant;

(l) any person who has been removed from any country or state by the government of that country or state on repatriation for any reason whatever and who, by reason of the circumstances connected therewith, is deemed by the Director General to be an undesirable immigrant;

(m) any person who, being required by any written law for the time being in force to be in possession of valid travel documents, is not in possession of those documents or is in possession of forged or altered travel documents or travel documents which do not fully comply with any such written law;

(n) the family and dependants of a prohibited immigrant; and

(o) any person, or any member of a class of persons, against whom an order has been made under paragraph 9(1)(a), or whose Pass or Permit has been cancelled under paragraph 9(1)(b) or 9(1)(c) respectively, or to whom such cancellation applies under subsection 9(6).

(4) The burden of proof that any person seeking to enter Malaysia is not a prohibited immigrant shall lie upon that person.

(5) Subject to any exemption granted under section 55, if any prohibited immigrant enters Malaysia otherwise than in accordance with a valid Pass lawfully issued to him he shall be guilty of an offence against this Act.

(6) Except where a person is a prohibited immigrant under paragraph (3)(o), any person in possession of a Permit issued to him under this Act who, upon his arrival in Malaysia, is refused permission to enter upon the ground that he is a prohibited immigrant, may appeal against the refusal within such time and in such manner as may be prescribed, to the Minister, whose decision shall be final:

Provided that, notwithstanding sections 24 and 26, any person who appeals against such refusal shall be permitted to disembark and shall be detained in an immigration depot pending the determination of his appeal, unless released on a Pass issued at the discretion of the Director General on such conditions as to furnishing security or otherwise as the Director General may deem fit..

[32] Walaupun pemohon telah memasuki negara ini secara sah dengan memiliki PLKS yang sah, adalah jelas setelah PLKS pemohon dibatalkan, dia bukan lagi seorang warganegara asing yang berada di Malaysia secara sah. Justeru itu, menurut s. 56(2) Akta 155, pemohon boleh dipindahkan atau dikeluarkan dari Malaysia.

[33] Peguam yang bijaksana, Encik Harpal seterusnya menimbulkan isu tentang penahanan semula pemohon selepas dia mengaku salah dan didenda oleh mahkamah khas PATI Semenyih yang dihujahkan tidak sah dan menyalahi undang-undang kerana pemohon dikatakan masih mempunyai pas yang masih laku sehingga 6 Julai 2020 untuk berada di Malaysia. Pemohon dihujahkan telah tidak dikemukakan di hadapan Majistret setelah ditahan semula pada 26 Februari 2020 dan tiada notis penahanan dikeluarkan oleh pihak responden terhadap pemohon di bawah s. 51 Akta 155. Encik Harpal Singh seterusnya menyatakan bahawa tiada permohonan reman dipohon bagi menjustifikasikan penahanan pemohon.

[34] Fakta telah pun dizahirkan bahawa pemohon telah ditangkap pada 13 Februari 2020 dalam satu serbuan di sebuah premis/kiosk telefon bimbit, Jalan Tun Perak Kuala Lumpur. Satu notis penahanan di bawah s. 51(5)(b) Akta 155 telah dikeluarkan ke atas pemohon oleh TPPI Ahmad Safian bin Kamal selama 14 hari mulai 13 Februari 2020 hingga 26 Februari 2020 untuk tujuan penyiasatan. Notis penahanan telah dikeluarkan oleh TPPI Ahmad Safian berdasarkan kuasa menangkap dan menyita yang diberikan di bawah s. 51(3)(a) Akta 155.

[35] Pemohon telah dituduh di Mahkamah Sesyen PATI Semenyih pada 26 Februari 2020 atas kesalahan melanggar syarat PLKS di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 dan dia telah mengaku salah.

[36] Satu Minit bebas bertarikh 27 Februari 2020 telah diangkat untuk pertimbangan TKPO bagi mempertimbangkan pembatalan PLKS/pas pemohon di bawah peraturan 19(1) Peraturan Imigresen 1963. Mohd Fauzi bin Md Isa, TKPO pada masa yang material, setelah berpuas hati dengan hasil siasatan yang menzahirkan pemohon telah melanggar syarat PLKS di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963, telah meluluskan pembatalan PLKS pemohon bagi tujuan pemindahan pemohon. Pada hari yang sama, TKPO telah mengeluarkan satu notis pembatalan pas di bawah peraturan 19(3) Peraturan Imigresen 1963 yang telah diterangkan kepada pemohon oleh PI Abdul Malek bin Che Nyat.

[37] Pada 27 Februari 2020, perintah pengusiran (order of removal) di bawah s. 56(2) dan perintah penahanan (order of detention) di bawah s. 34(1) Akta 155 (PTU) telah dikeluarkan ke atas pemohon oleh TPPI, Arif Azanor bin Tompang @ Abd Razak bagi tujuan pemindahan keluar dan menahan pemohon sementara dipindahkan keluar dari Malaysia. PTU telah diterangkan kepada pemohon oleh PI Abdul Malek bin Che Nyat. Oleh kerana PLKS pemohon telah dibatalkan, pemohon bukan lagi warganegara asing yang berada di Malaysia secara sah. Oleh yang demikian, menurut s. 56(2) Akta 155, pemohon adalah orang yang kena dipindahkan dari Malaysia. Seksyen 56(2) Akta 155 memperuntukkan:

> 56(2) Any person who is not a citizen unlawfully entering or re-entering or attempting unlawfully to enter or re-enter Malaysia or *unlawfully remaining in Malaysia shall whether or not any proceedings are taken against him in respect of the offence be liable to be removed from Malaysia by order of the Director General.* (penekanan ditambah)

[38] Setelah PLKS pemohon dibatalkan, responden pertama sebagai Ketua Pengarah Imigresen Malaysia juga diberi kuasa menahan warganegara asing seperti pemohon di depot tahanan atau di tempat lain yang ditetapkan bagi tujuan pemindahan keluar dari Malaysia. Kuasa untuk menahan pemohon termaktub di bawah s. 34 Akta 155 yang memperuntukkan seperti berikut:

> Detention of persons ordered to be removed
>
> 34(1) Where any person is ordered to be removed from Malaysia under this Act, such person may be detained in custody for such period as may be necessary for the purpose of making arrangements for his removal:
>
> Provided that any person detained under this subsection who appeals under subsection 33(2) against the order of removal may, in the discretion of the Director General, be released, pending the determination of his appeal, on such conditions as to furnishing security or otherwise as the Director General may deem fit.
>
> (2) ...

(3) Any person who is detained in custody in pursuance of an order made by the Director General under subsection (1) may be so detained in any prison, police station or immigration depot, or in any other place appointed for the purpose by the Director General.

[39] Seterusnya, s. 35 Akta 155 memperuntukkan bahawa orang yang kena dipindahkan dari Malaysia boleh ditahan di mana-mana depot tahanan imigresen selama tempoh tidak melebihi 30 hari sebelum keputusan sama ada suatu perintah bagi pemindahannya patut dibuat. Seksyen 35 Akta 155 menyatakan:

Power to arrest person liable to removal

35. Any person reasonably believed to be a person liable to removal from Malaysia under this Act may be arrested without warrant by any immigration officer generally or specially authorised by the Director General in that behalf or by a senior police officer, and may be detained in any prison, police station or immigration depot for a period not exceeding thirty days **pending a decision as to whether an order for his removal should be made**. (penekanan ditambah)

[40] Mahkamah ini mendapati tidak ada keperluan untuk pihak responden memenuhi peruntukan s. 51 Akta 155 kerana peruntukan tersebut hanya terpakai apabila seseorang disyaki melakukan kesalahan di mana prosedur di bawah Kanun Tatacara Jenayah terpakai. Seksyen 51 Akta 155 diperturunkan di bawah ini:

Powers of search and arrest

51(1)(a) Any senior immigration officer;

(b) any senior police officer;

(c) any other police officer generally or specially authorised in that behalf by the Director General; and

(d) any officer of the Customs Department acting under the instructions of a senior immigration officer, may without a warrant and with or without assitance:

(i) enter and search any premises; or

(ii) stop and search any vessel, vehicle or person, or search any aircraft, whether in a public place or not,

if he has reason to believe that any evidence of the commission of an offence against this Act is likely to be found on such premises or person or in such vessel, vehicle or aircraft, and may seize any evidence so found.

(2) No woman shall be searched under this section except by a woman.

(3)(a) Any police officer, immigration officer or Customs Officer may arrest without warrant any person who he reasonably believes has committed an offence against this Act.

A (b) The powers of arrest under paragraph (a) may –

(i) in the case of *Peninsular Malaysia, be conferred by the Minister, after consultation with the Government of the State concerned, in areas to benotified in the State *Gazette*, on a Penghulu or Penggawa;

B (ii) in the case of Sabah, be conferred by the Director General, with the approval of a Resident, in areas to be notified in the State *Gazette*, on any native officer within the meaning of the Criminal Procedure Code of Sabah [Ord. 4 of 1959];

(iii) in the case of Sarawak, be conferred by the Director General, C with the approval of a Resident, in areas to be notified in the State *Gazette*, on any Tua Kampong, Tuai Rumah or any Native or Chinese Headman.

(4) Where any person who is a citizen is arrested pursuant to subsection (3) by an immigration officer or by an officer of the Customs Department D or by a person authorised under paragraph (3)(b), the person making the arrest shall comply with section 28 of the Criminal Procedure Code [Act 593] as if he were a police officer.

(5) Notwithstanding anything contained in this Act or in any subsidiary legislation made under this Act.

E (a) where any person who is a citizen is arrested or detained under this Act otherwise than for an offence against this Act, and has not been earlier released, he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time for any necessary journey), be produced before a Magistrate and shall not be further detained in custody without the Magistrate's authority; and

F (b) where any person other than a citizen is arrested or detained under this Act, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, and has not been earlier released, or charged in court for an offence against this Act or removed from Malaysia under this Act, he shall, within fourteen days of his arrest or detention, be produced before G a Magistrate who shall make an order for his detention for such period as may be required by an immigration officer or a police officer for the purpose of investigations into an offence against this Act, or by an immigration officer for the purpose of either making inquiries, or effecting his removal from Malaysia, under this Act,

H and any provision of this Act or any subsidiary legislation made under this Act providing for the arrest or detention, otherwise than for an offence, of a person who is a citizen, or for the arrest or detention of a person other than a citizen, whether for an offence against this Act or otherwise than for such offence, shall be readas being subject to the provisions of paragraph (a) or (b), as may be applicable:

I

Provided that the Magistrate before whom such person is produced under paragraph (a) or (b), as the case may be, shall not authorise or order the detention of such person for a period in excess of the maximum period which may be specified in the provision under which he is to be detained.

(6) Paragraph 5(b) shall have effect notwithstanding anything inconsistent therewith or contrary thereto in the Criminal Procedure Code.

[41] Seksyen 35 Akta 155 membenarkan dan memberikan kuasa menahan ke atas pemohon sebelum suatu keputusan dibuat bagi pemindahannya. Kuasa yang diperuntukkan di bawah s. 35 Akta 155 ini adalah selaras dengan kuasa Ketua Pengarah Imigresen di bawah s. 3(2) Akta 155 yang menyatakan tentang kuasa Ketua Pengarah Imigresen sama ada membenarkan atau tidak suatu tindakan pengusiran terhadap seorang warganegara asing.

[42] Mahkamah ini juga mendapati bahawa dalam tempoh penahanan tersebut, PLKS pemohon telah dibawa kepada pertimbangan TKPO untuk keputusan sama ada dibatalkan atau sebaliknya. TKPO dalam afidavitnya mengatakan bahawa beliau telah berpuas hati dengan hasil siasatan bahawa pemohon telah melanggar syarat PLKSnya di bawah peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963 dan wajar dibatalkan bagi tujuan pengusiran pemohon ke negara asal.

[43] Seksyen 9(1)(b) Akta 155 memperuntukkan budi bicara mutlak kepada responden pertama untuk membatalkan PLKSnya. Apabila suatu peruntukan undang-undang itu telah memberikan budi bicara mutlak kepada pihak berkuasa, maka bukanlah tugas mahkamah untuk mempersoalkan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa berlandaskan kuasa budi bicara mutlak itu. Malahan Mahkamah Rayuan dalam kes *Pua Kiam Wee v. Ketua Pengarah Imigresen Malaysia & Anor* [2018] 4 CLJ 54; [2018] 6 MLJ 670 telah menyatakan bahawa tidak ada mana-mana dalam Akta 155 sama ada secara langsung atau tidak langsung yang menyatakan keperluan untuk responden pertama memberikan alasannya dalam membuat keputusan. Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut menyatakan seperti berikut:

[40] The next contention by the appellant raises a question of some significance. Learned counsel for the appellant argues that the respondents in coming to their decision had done so in an abuse of discretion. This is because no cogent reasons had been given to the appellant. In exercising the powers under Act 155, the first respondent shall have the general supervision and direction of all matters relating to immigration throughout Malaysia. **We find that there is no express or implied duty under Act 155 imposed on the first respondent to state reasons for his decision to the appellant.** In *Majlis Perbandaran Pulau Pinang v. Syarikat Bekerjasama-sama Serbaguna Sungai Gelugor Dengan Tanggungan* [1999] 3 MLJ 1; [1999] 3 CLJ 65, the Supreme Court cited the case of *Marta Stefan v. General Medical Council* [1999] 1 WLR 1293 in which it was stated:

> The trend of the law has been towards an increased of the duty upon decision-makers of many kinds to give reasons. This trend is consistent with current development towards an increased openness in matters of government and administration. *But the trend is proceeding on a case by case basis (R v. Royal Borough of Kensington and Chelsea; Ex p Grillo [1996] 28 HLR 94), and has not lost sight of the established position of the common law that there is no general duty, universally imposed on all decision-makers.* (emphasis added.)

The Federal Court, in *Sugumar*, adopted the above proposition that the trend of the law is towards giving reasons, but on a case by case basis; nonetheless, the trend had not lost sight of the established position of the law that there was no general duty universally imposed on all decision makers. Mohamed Dzaiddin FCJ, delivering the judgment of the Federal Court, held that in exercise of the powers conferred upon the state authority by s. 65(1)(c) of Act 155, the state authority was not required to give reasons..

(penekanan ditambah)

[44] Walaupun tiada keperluan bagi pihak berkuasa seperti responden pertama untuk menyatakan alasan kepada keputusan yang dibuat namun dalam kes pemohon di hadapan mahkamah ini, alasan PLKS pemohon dibatalkan telah pun dizahirkan di mana adalah jelas keputusan dibuat kerana pemohon telah melanggar syarat PLKSnya. Maka, tidak terdapat *mala fide* di pihak responden pertama dalam melaksanakan budi bicara mutlak yang telah diperuntukkan undang-undang kepadanya.

[45] Perlu ditekankan bahawa menurut s. 9(4) Akta 155, jika sesuatu pas dibatalkan di bawah sub-s. (1)(b), dan jika pemegang pas berada di Malaysia, dia dilarang tinggal di Malaysia selepas pembatalan itu dan hendaklah dipindahkan dari Malaysia mengikut peruntukan Akta 155 dan seterusnya dilarang memasuki Malaysia.

[46] Selaras dengan keputusan TKPO dalam membatalkan PLKS pemohon, PTU di bawah s. 34 Akta 155 telah pun dikeluarkan kepada pemohon bagi menahan pemohon yang telah diperintahkan supaya diusir keluar dari Malaysia di bawah s. 56(2) Akta 155. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Andrew Thamboosamy v. Superintendent of Pudu Prisons, Kuala Lumpur* [1976] 1 LNS 5; [1976] 2 MLJ 156 telah menyentuh mengenai perintah tahan di bawah s. 34 Ordinan Imigresen 1959 ketika itu (*pari materia* dengan s. 34(1) Akta 155). Mahkamah telah menyatakan:

> As has been laid down in this court in *Karam Singh v. Minister of Home Affairs* when a person complains that he is being illegally or improperly detained, it is for the detaining authority to justify the detention. In the ordinary way, he would produce an order of detention. If the person who signed the order had power to do so and had before, when and after signing that order, complied with all conditions laid down by the law, then

the order of detention which is authentic and made in good faith is a sufficient answer, and the court must hold the order and detention lawful-unless the detainee alleges and can prove *mala fides*. In the instant case the detaining authority had power to detain the appellant, he had complied with the law in every way and therefore the order of detention was perfectly valid.

We agree with Arulanandom J that the order of detention under section 34(1) is made with view to deporting the person detained but we do not agree that when it has been found by the Immigration Department that no country would accept the deportee, the detention then becomes unlawful. A valid detention order under section 34(1) in our opinion remains valid until revoked.

[47] Perhatian sewajarnya perlu diberi kepada per. 5(4) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan tentang tangkapan bukan warganegara Malaysia di bawah undang-undang imigresen. Menurut peruntukan ini, seorang yang bukan warganegara Malaysia tanpa kelengahan yang tidak munasabah dalam tempoh 14 hari mesti dibawa ke hadapan Majistret dan bukan 24 jam seperti tangkapan di bawah undang-undang lain. Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan:

5(4) Where a person is arrested and not released he shall without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time of any necessary journey) be produced before a magistrate and shall not be further detained in custody without the magistrate's authority:

Provided that this Clause shall not apply to the arrest or detention of any person under the existing law relating to restricted residence, and all the provisions of this Clause shall be deemed to have been an integral part of this Article as from Merdeka Day:

Provided further that in its application to a person, other than a citizen, who is arrested or detained under the law relating to immigration, this Clause shall be read as if there were substituted for the words "without unreasonable delay, and in any case within twenty-four hours (excluding the time of any necessary journey)" the words "within fourteen days:"

[48] Pihak responden telah pun mendeposkan bahawa semua prosedur penahanan ke atas pemohon telah pun dipatuhi dan berdasarkan pengataan tersebut serta peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini mendapati tidak ada ketidakpatuhan prosedur yang berlaku dalam penahanan pemohon di depot tahanan sementara menanti pengusirannya ke negara asal. Pemohon telah pun dimaklumkan mengenai pembatalan PLKSnya di mana TKPO telah pun mengeluarkan satu notis pembatalan pas di bawah peraturan 19(3) Peraturan Imigresen 1963 yang mana telah diterangkan kepada pemohon oleh PI Abdul Malek bin Che Yat.

[49] Tidak ada keperluan prosedur di bawah Akta 155 untuk majikan kepada pemohon dimaklumkan berkenaan dengan notis penahanan pemohon dan untuk perkhidmatan jurubahasa diberikan kepada pemohon semasa notis penahanan diberikan kepadanya. Seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan hak-hak seseorang yang ditangkap tidak terpakai di dalam kes ini kerana pemohon bukan lagi ditangkap untuk satu kesalahan tetapi ditahan sementara menanti pengusiran pulang ke negara asalnya.

[50] Akhir sekali, perayu telah menimbulkan isu bahawa beliau telah tidak diberikan hak untuk merayu secara bertulis kepada Menteri. Peguam Persekutuan yang bijaksana telah membawa perhatian mahkamah ini kepada peraturan 26, Peraturan Imigresen 1963 yang memperuntukkan seperti berikut:

> **26. Rayuan kepada Menteri**
>
> (1) Mana-mana orang yang ingin merayu di bawah peruntukan-peruntukan:
>
> (a) Subseksyen 8(6) Ordinan terhadap keengganan memberi kebenaran untuk memasuki Persekutuan; atau
>
> (b) Subseksyen 14(5) Ordinan terhadap pembatalan Permit atau Perakuan atau pembuatan akuan;
>
> (c) Subseksyen 33 (2) Ordinan terhadap suatu perintah pemindahan yang dibuat oleh Pegawal,
>
> Hendaklah dalam masa tujuh hari penerimaan notis keengganan, pembatalan, akuan atau perintah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan merayu secara petisyen bertulis kepada Menteri,
>
> (2) Mana-mana rayuan yang dibuat di bawah peraturan ini hendaklah dimajukan kepada Pengawal, yang akan membuat akuan penerimaannya secara bertulis.•

[51] Memandangkan PLKS pemohon dibuat di bawah peraturan 19 Peraturan Imigresen 1963, ianya tidak tergolong dalam kategori di mana rayuan boleh dibuat. Rayuan hanya boleh dibuat dan diberikan pertimbangan untuk kategori yang termaktub dalam sub-peraturan (1) peraturan 26 Peraturan Imigresen 1963 sahaja.

Penutup

[52] Mahkamah ini mendapati pihak responden telah mematuhi undang-undang seperti yang diperuntukkan dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta 155. Selanjutnya, di bawah Akta 155, seseorang yang ditahan di suatu depot imigresen hendaklah dianggap sebagai berada dalam penjagaan yang sah. Seksyen 51B Akta 155 memperuntukkan:

A person:

a) who is being taken to or from an immigration depot; or

b) who is being detained at an immigration depot shall be deemed to be in lawful custody..

[53] Oleh hal yang demikian dan atas alasan-alasan yang dibincangkan di atas, mahkamah ini mendapati tidak terdapat sebarang ketidakpatuhan prosedur dalam tindakan pihak responden mengeluarkan PTU ke atas pemohon. Mahkamah dengan itu telah menolak permohonan pemohon.